

**Kejayaan Skim Persaraan Swasta Akan Merangkumi Semua Rakyat Malaysia - Dr Subramaniam**  
**Bernama**  
**19 Julai, 2012**

KLANG, 19 Julai (Bernama) -- Kejayaan Skim Persaraan Swasta (PRS) yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak akan memainkan peranan penting dalam menjadikan skim itu merangkumi semua rakyat Malaysia di negara ini, kata Menteri Sumber Manusia Datuk Seri Dr S. Subramaniam.

Dr Subramaniam berkata kerajaan mahu melihat berapa banyak pekerja sektor swasta dan mereka yang bekerja sendiri secara sukarela menyumbang ke arah skim itu sebelum menjadikan ia menyeluruh kepada semua.

"Seiring dengan perkembangan semasa, kita akan lihat sama ada kita dapat mengembangkan satu skim yang akan diguna pakai kepada semua rakyat Malaysia dalam tahun-tahun akan datang.

"Perlu ada kesediaan daripada semua orang untuk menyumbang kepada skim itu kerana tahap penerimaan rakyat masih belum tinggi," katanya pada sidang media selepas membuat lawatan ke sebuah kolej latihan kemahiran di sini Khamis.

"Skim ini adalah secara sukarela dan bukannya wajib. Rakyat perlu mempunyai tabiat membuat simpanan kerana apabila mereka bersara, tempoh persaraan mereka akan menjadi baik," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=682023>

